

PEMULIHAN DEFISIT TUMPUAN KANAK-KANAK AUTISTIK MELALUI AKTIVITI SENI
VISUAL SEBAGAI INTERVENSI AWAL

PREMAWATHY A/P VADIVIL

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan memulihkan defisit tumpuan dalam kalangan kanak-kanak autistik di Pusat NASOM Klang menggunakan aktiviti seni visual sebagai intervensi awal. Objektifnya adalah mengenal pasti masalah defisit tumpuan dalam kalangan kanak-kanak autistik; aktiviti seni visual yang boleh dilakukan oleh mereka dan perubahan defisit tumpuan dalam konteks komunikasi dan interaksi melalui aktiviti seni visual sebagai intervensi awal yang diberikan. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes telah digunakan. Pemilihan responden dijalankan secara persampelan bertujuan dengan melibatkan enam orang kanak-kanak autistik. Kajian ini terbatas kepada pemilihan responden, aktiviti seni visual dan teori yang diaplikasi. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah senarai semak ciri-ciri masalah defisit tumpuan dalam konteks komunikasi dan interaksi bagi kanak-kanak autistik; senarai semak perubahan masalah defisit tumpuan dalam aktiviti seni visual kanak-kanak autistik; senarai semak tahap tumpuan responden, nota lapangan dan soalan temu bual. Data dianalisis menggunakan analisis naratif. Hasil kajian menunjukkan kanak-kanak autistik mengalami masalah defisit tumpuan seperti mudah hilang perhatian, kurang memahami arahan yang diberikan, mudah lupa, kesilapan dalam kerja sekolah, sering kehilangan barang kepunyaan, tidak dapat menyelesaikan tugasnya, berkhayal, tidak dapat bertentang mata, tidak menyedari kehadiran orang disisinya dan masalah pertuturan. Aktiviti seni visual yang mampu dilakukan oleh kanak-kanak autistik adalah kolaj bijirin, kolaj butang, renjisan daun, renjisan kad pelbagai bentuk, capan jari serta tapak tangan dan capan bahan semula jadi. Aktiviti kolaj bijirin didapati paling berkesan dalam membantu memulihkan masalah defisit tumpuan. Intervensi awal yang telah dijalankan berjaya memulihkan komunikasi kanak-kanak ini. Ia telah membantu mengubah corak interaksi yang sehalu, iaitu 'guru dengan murid' kepada tiga hala iaitu 'guru dengan murid', 'murid dengan guru' dan 'murid dengan murid'. Kajian ini memberi implikasi dalam memulihkan masalah defisit tumpuan kanak-kanak autistik serta menjadi panduan kepada ibu bapa dan guru-guru kanak-kanak autistik.





REHABILITATION OF AUTISTIC CHILDREN'S ATTENTION DEFICITS THROUGH VISUAL ART ACTIVITIES AS EARLY INTERVENTION

ABSTRACT

The study aimed to rehabilitate attention deficits among autistic children at the Klang NASOM Centre using visual arts activities as early intervention. The objectives were to identify attention deficit problems in autistic children, the visual arts activities which could be done by them and the changes in attention deficit problem in the context of communication and interaction through visual arts activities as early intervention. The qualitative approach with a case study design was utilised. Purposive sampling was used for the respondents' selection involving six autistic children. The study was limited to the respondents' selection, visual arts activities and applied theories. The instruments used included a checklist for attention deficit problem in the context of communication and interaction for autistic children, a checklist of changes in attention deficit problem among autistic children while doing visual arts activities, a checklist for the respondent's focus level, field notes and interview questions. The data were analysed using narrative analysis. The findings showed that autistic children had attention deficit problems such as easily losing attention, lack of understanding of the instructions given, forgetting easily, making mistakes in school work, missing belongings easily, being unable to complete the task, dreaming, having no eye contact and speech problems and other problems. The autistic children were able to do grain collage, button collage, tooth brush splatter art using leaf and a few others. Grain collage activity was the most effective activity in helped the rehabilitation of the attention deficit problem. Early intervention had successfully improved the communication among the children. It helped to transform the one-way 'teacher to pupil' interaction pattern to three-way 'teacher to pupil', 'pupil to teacher' and 'pupil to pupil' interaction. The study showed that the rehabilitation of the autistic children's attention deficit problem was possible and this could provide a guide for the parents and teachers of autistic children.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang kajian	4
1.2.1	Autisme : Pengesahan dan ujian saringan	4
1.2.2	Defisit Tumpuan	6
1.2.3	Aktiviti seni Visual sebagai Intervensi Awal untuk Autisme	7
1.3	Penyataan Masalah	9
1.4	Tujuan Kajian	11
1.5	Objektif Kajian	12
1.6	Soalan Kajian	12
1.7	Kerangka Konsepsual Kajian	13
1.8	Kepentingan Kajian	18
1.8.1	Membantu Kanak-kanak Autistik di Pusat NASOM Klang	19

1.8.2	Panduan Kepada Ibu bapa	19
1.8.3	Rujukan Kepada Guru	19
1.8.4	Organisasi dan Pihak-pihak yang Bertanggungjawab	20
1.9	Batasan Kajian	20
1.10	Definisi Operasional	21
1.10.1	Kanak-kanak Autistik	21
1.10.2	Defisit Tumpuan	22
1.10.3	Intervensi Awal	23
1.10.4	Seni Visual	24
1.11	Rumusan	24

BAB 2 TINJAUAN LITARATUR

2.1	Pengenalan	26
2.2	Konsep-konsep Asas	27
2.2.1	Ciri-ciri Kanak-kanak Autistik	27
2.2.2	Defisit Tumpuan	33
2.2.3	Intervensi Awal	37
2.2.4	Seni Visual	39
2.2.5	Komunikasi	43
2.2.6	Interaksi	44
2.3	Kajian lepas yang berkaitan - Intervensi Seni Visual bagi Memulihkan Masalah Defisit Tumpuan	45
2.3.1	Kajian Dalam Negara	45
2.3.2	Kajian Luar Negara	46
2.4	Teori-teori	50
2.4.1	Teori Pembelajaran Albert Bandura	50
2.4.2	Teori Operant Skinner	52
2.5	Rumusan	54

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	55
3.2	Reka Bentuk Kajian	56
3.3	Persampelan	58
3.3.1	Responden Murid Autistik	58
3.3.2	Responden Guru	60
3.4	Kaedah Pengutipan Data	62
3.4.1	Temubual	64
3.4.2	Analisis Dokumen	66
3.4.3	Pemerhatian	68
3.5	Instrumen Kajian	69
3.5.1	Senarai Semak Ciri-ciri masalah Defisit Tumpuan dalam Konteks Komunikasi dan Interaksi bagi Kanak-kanak Autistik	72
3.5.2	Senarai Semak Perubahan Masalah Defisit Tumpuan Dalam Aktiviti Seni Visual KanaK-kanak Autistik	73
3.5.3	Senarai Semak Tahap Tumpuan Responden	73
3.5.4	Soalan Temu Bual	74
3.5.5	Borang Catatan Lapangan	74
3.6	Prosedur Kutipan Data	75
3.7	Proses Analisis Data	77
3.7.1	Analisis Instrumen Pemerhatian	80
3.7.2	Analisis Data Temu bual	87
3.7.3	Analisis Dokumen	88
3.8	Jangkamasa Kajian	89
3.9	Lokasi Kajian	90
3.10	Kesahan dan Kebolehpercayaan	92
3.10.1	Semakan oleh Penyelia dan Pakar-pakar	92

3.10.2	Triangulasi Data	93
3.10.3	Pemerhatian Jangka Panjang	93
3.10.4	Pemeriksaan oleh Sampel (Member Check)	94
3.10.5	Mengadakan Kajian Rintis	94
3.11	Etika dan Kerahsiaan	94
3.12	Kajian Rintis	95
3.12.1	Objektif Kajian Rintis	96
3.12.2	Dapatan Kajian Rintis	97
3.12.3	Pengubahsuaian	104
3.13	Rumusan	105

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	106
4.2	Dapatan Kajian	106
4.2.1	Apakah Masalah Defisit Tumpuan yang Dialami oleh Kanak-kanak autistik?	107
4.2.1.1	Responden R3	109
4.2.1.2	Responden R4	115
4.2.1.3	Responden R5	119
4.2.1.4	Responden R6	
4.2.2	Apakah Aktiviti Seni Visual yang Boleh Dilakukan oleh Kanak-Kanak Autistik yang Bermasalah Defisit Tumpuan Berdasarkan Tugas yang Disediakan?	128
4.2.3	Apakah Perubahan pada Masalah Defisit Tumpuan Dalam Komunikasi Kanak-kanak Autistik melalui Tugas Aktiviti Seni Visual?	134
4.2.3.1	Analisis Dapatan Pemerhatian	135
4.2.3.2	Analisis Dapatan Temubual	140
4.2.3.3	Perubahan yang Ketara	143
4.2.4	Apakah Perubahan pada Masalah Defisit Tumpuan	145

Dalam Interaksi Kanak-kanak Autistik melalui Aktiviti Seni Visual?

4.2.4.1 Analisa Data Pemerhatian	145
4.2.4.2 Analisis Data Temu Bual	159
4.3 Rumusan	160

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	161
5.2 Perbincangan	162
5.2.1 Masalah Defisit Tumpuan yang Dialami oleh Kanak-kanak autistik	162
5.2.2 Aktiviti Seni Visual untuk Defisit Tumpuan Kanak-kanak Autistik	166
5.2.3 Perubahan Masalah Defisit Tumpuan dalam Komunikasi Kanak-kanak Autistik	168
5.2.4 Perubahan Masalah Defisit Tumpuan dalam Interaksi Kanak-kanak Autistik	172
5.3 Signifikan Kajian dan Implikasi Terhadap Bidang Kajian	175
5.3.1 Pusat NASOM Klang	176
5.3.2 Kanak-kanak Autistik	176
5.3.3 Guru-guru	176
5.3.4 Pihak Ibu Bapa	177
5.4 Signifikan Kajian	177
5.5 Cadangan Kajian untuk Masa Hadapan	178
5.6 Masalah dalam Menjalani Kajian	180
5.7 Rumusan	180

RUJUKAN	182
---------	-----

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Jenis-jenis Aktiviti Seni Visual	40
3.1 Kaedah Pengutipan Data Mengikut Soalan Kajian	63
3.2 Instrumen Kajian Berdasarkan Soalan Kajian	71
3.3 Contoh Pengisian senarai Semak Ciri-ciri Masalah Defisit Tumpuan Dalam Konteks Komunikasi dan Interaksi bagi Kanak-kanak Autistik	81
3.4 Contoh Pengisian Senarai semak Perubahan Masalah Defisit Tumpuan dalam Tugas Aktiviti Seni Visual Kanak-kanak Autistik	82
3.5 Langkah 1 : Pindahkan Data Mentah ke Dalam Jadual	83
3.6 Langkah 2 : Pengiraan Jumlah Masa Tumpuan bagi Setiap Sampel Kajian	84
3.7 Langkah 3 : Pengiraan Jumlah Masa Tumpuan bagi Aktiviti Berkenaan	85
3.8 Borang Catatan Lapangan	86
3.9 Langkah-langkah Menganalisis Data Temu bual	88
3.10 Langkah-langkah Menganalisis Dokumen	89
3.11 Masalah defisit tumpuan Responden	98
4.1 Data keseluruhan masalah defisit tumpuan yang dialami oleh kanak-kanak autistik.	108
4.2 Analisis Dapatan Pemerhatian Dalam aktiviti seni	130
4.3 Analisis Dapatan Pemerhatian tentang Perubahan Masalah Defisit Tumpuan dalam Komunikasi	135
4.4 Analisis Dapatan Pemerhatian tentang Perubahan Masalah Defisit Tumpuan Dalam Interaksi	146



**SENARAI RAJAH**

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	13
3.1 Reka Bentuk Kajian	56
3.2 Prosedur Kutipan Data	75
3.3 Proses Analisis Data	79
3.4 Tahap Tumpuan Responden Berdasarkan Aktiviti	100
4.1 Masalah Defisit Tumpuan Responden R3	110
4.2 Masalah Defisit Tumpuan Responden R4	115
4.3 Masalah Defisit Tumpuan Responden R5	119
4.4 Masalah Defisit Tumpuan Responden R6	124
4.5 Analisis dapatan Pemerhatiandalam Aktiviti Seni	32





SENARAI SINGKATAN

A	ASD	Autistik Spektrum Disorders
B	NASOM	National Autism Society of Malaysia
C	AATA	American Art Therapy Association
D	PDK	Pusat Pemulihan dan Komuniti
E	APA	American Psychiatric Association
F	KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia





SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Penyemakan Item-item Instrumen
- B Senarai Semak Ciri-ciri masalah Defisit Tumpun dalam Konteks Komunikasi dan Interaksi bagi Kanak-kanak Autistik
- C Senarai Semak Perubahan Masalah Defisit Tumpuan dalam Tugas Aktiviti Seni Visual Kanak-kanak Autistik
- D Senarai Semak Tahap Tumpuan Responden
- E Soalan Temu bual
- F Surat Permohonan Persetujuan Terlibat dalam Kajian (Guru)
- G Surat Permohonan Persetujuan Terlibat dalam Kajian (Kanak-kanak Autistik)
- H Borang Kebenaran Ibu bapa / Penjaga Sampel Kajian
- I Borang Kebenaran Sampel Kajian
- J Pengesahan Status Pelajar
- K Pengesahan Pelajar untuk Membuat Penyelidikan
- L Borang Catatan Lapangan
- M Surat Pelantikan Sebagai Pakar
- N Surat Kebenaran Pihak NASOM
- O Borang-borang Kebenaran Responden
- P Buku Kod
- Q Gambar
- R Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa VIVA
- S Pengesahan Pembetulan Dan kelulusan Penjilidan Disertasi/Tesis





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Isu kanak-kanak yang mempunyai masalah autisme kini telah menjadi isu global dan dianggap serius oleh dunia pendidikan khas pada masa kini. Ini adalah berikutan dengan kenaikan dalam kadar prevalensi Autistik Spektrum Disorders (ASD) setiap tahun. Terdapat kajian yang telah membuktikan bahawa Kadar prevalensi ASD di Amerika Syarikat telah meningkat dari tiga atau empat kes bagi sepuluh ribu kanak-kanak pada tahun 1990, kepada satu kes bagi setiap seratus sepuluh kanak-kanak pada tahun 2012 (Zuraini Jacob & Zuliza Mohd Kusrin, 2015).

Setiap kanak-kanak autistik mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Tetapi terdapat beberapa ciri-ciri autistik yang biasa dalam kalangan kanak-kanak ini. Antaranya adalah gangguan dalam interaksi sosial dan komunikasi (Andri Priyatna, 2010). Gangguan dalam interaksi sosial dan komunikasi yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak ini adalah berpunca daripada gaya hidup mereka yang tidak memberi tumpuan





pada perkara yang berlaku di sekeliling mereka (Norfishah Mat Rabi, 2016; Zuraini Jacob & Zuliza Mohd Kusrin, 2015).

Jadi, mereka perlu dibantu dan dibimbing supaya mereka dapat menjalani kehidupan normal seperti orang lain. Maka adalah sangat penting untuk mencari perubatan yang dapat mengurangkan masalah defisit tumpuan dalam kalangan mereka bagi mengurangkan masalah komunikasi dan interaksi dalam kalangan mereka. Walau bagaimanapun sehingga hari ini ubat yang dapat merawat masalah autisme dengan sepenuhnya dan memperbaiki sistem saraf otak yang menyebabkan berlakunya masalah ini masih belum dijumpai lagi. Tetapi intervensi awal dipercayai dapat membantu memulihkan masalah defisit tumpuan dalam kalangan kanak-kanak autistik ini. Intervensi awal dapat membantu bagi menyesuaikan diri kanak-kanak ini dengan usia mereka (Zuraini Jacob & Zuliza Mohd Kusrin, 2015; Sri Muji Rahayu,



2014).

Akan tetapi persoalan yang timbul disini adalah apakah intervensi awal yang sesuai bagi kanak-kanak autistik kerana terdapat pelbagai jenis intervensi awal yang sedang dijalankan bagi kanak-kanak autistik. Disini faktor minat dalam kalangan kanak-kanak autistik perlu diberi penekanan. Ini adalah kerana tahap tumpuan kanak-kanak autistik akan meningkat jika mereka mempunyai minat terhadap aktiviti yang dijalankan (Attfield E. dan Morgan, H., 2007). Daripada pemerhatian awal yang telah dilaksanakan di lokasi kajian, aktiviti seni visual merupakan salah satu aktiviti yang diminati oleh kanak-kanak autistik. Mereka kelihatan lebih gembira dan aktif ketika aktiviti seni visual dijalankan.





Seni visual merujuk pada hasil karya seseorang dengan menggunakan pelbagai teknik seperti melukis, mewarna, menampal, mencantum dan sebagainya. Penggabung jalinan seni dalam pembelajaran seharian kanak-kanak akan menggembirakan mereka (Yasmin Hussain & Noorlian Ishak, 2013). Selain itu, aktiviti seni visual juga mampu membantu dalam memulihkan permasalahan mereka dari segi komunikasi dan interaksi dalam kalangan kanak-kanak autistik (Mohd Zuri Ghani, 2014).

Terdapat kajian-kajian lepas yang membuktikan kejayaan intervensi awal seni visual bagi memulihkan permasalahan dalam kalangan kanak-kanak autistik. Misalnya, Wei, Rungtai dan Lin (2018) dalam kajiannya telah mendapati intervensi awal seni visual dapat dijadikan sebagai saluran komunikasi bagi kanak-kanak autistik. Seterusnya Rafferty, Brown, Hastings, Arndt dan Hesse (2016) pula mendapati intervensi awal seni visual dapat membantu dalam pemulihan individu yang bermasalah autisme. Seterusnya, Manisah Mohd Ali dan Norrizza Sabal (2016) dalam kajiannya pula mendapati daya tumpuan kanak-kanak autistik telah meningkat selepas menjalankan intervensi awal seni visual.

Dengan mengambil kira perkara-perkara tersebut, intervensi awal menggunakan aktiviti seni visual dirasakan sesuai dan dapat membantu memulihkan defisit tumpuan dalam kalangan mereka.





1.2 Latar Belakang Kajian

Isu kanak-kanak yang bermasalah autisme telah menjadi isu global yang dianggap serius oleh dunia pendidikan khas pada masa kini. Ini adalah selaras dengan kenyataan oleh Hood Mohamad Salleh & Hasnah Toran dalam Zuraini Yacob dan Zuliza Mohd Kusrin mengenai kenaikan kadar prevalensi ASD setiap tahun (Zuraini Jacob dan Zuliza Mohd Kusrin, 2016). Organisasi-organisasi sokongan seperti Pusat NASOM Klang banyak membantu secara langsung dan tidak langsung bagi meringankan masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak ini. Dimana objektif NASOM itu sendiri adalah mengenali dan merawat permasalahan autisme seawal-awal yang mungkin. Salah satu perkhidmatan yang diberi penekanan oleh NASOM bagi merawat kanak-kanak autisme adalah melalui intervensi awal. Berdasarkan mereka, intervensi awal merujuk pada satu program bagi kanak-kanak berumur sehingga 13 tahun.

Dimana menerusi program ini kanak-kanak diajar kemahiran diri, kemahiran pembelajaran, pra-akademik dan kemahiran komunikasi (Kod: Tb/R7/08).

1.2.1 Autisme: Pengesanan dan Ujian Saringan

Menurut Tilton (2014), seorang daripada seribu orang kanak-kanak akan mengalami masalah autisme. Rafferty. E.B. at al (2016) dalam kajian mereka menyatakan bahawa menurut anggaran yang dibuat oleh *Centers for Disease Control and Precention* (2015), seramai seorang daripada 68 individu adalah penghidap masalah autisme. Manakala statistik yang dikeluarkan oleh Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (Nasom) pada tahun 2013 pula menunjukkan setiap seorang daripada 150 kanak-kanak yang dilahirkan di seluruh dunia menghadapi masalah autisme.





Pengesanan masalah autisme biasanya dapat dibuat ketika kanak-kanak ini berumur tiga tahun lagi. Di Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia menyarankan para ibu bapa memerhatikan perkembangan fizikal, mental dan emosi anak-anak supaya perkembangan kanak-kanak adalah sejajar dengan umur masing-masing. Seajar dengan ini, Kementerian Kesihatan Malaysia menyarankan supaya rekod kesihatan kanak-kanak direkodkan dalam buku rekod kesihatan bayi dan kanak-kanak serta sentiasa mengawasi sama ada perkembangan kanak-kanak adalah bersesuaian dengan usianya. Dengan ini, kementerian berharap agar sebarang masalah dalam perkembangan kanak-kanak dapat dikenal pasti pada peringkat yang awal lagi (Kementerian Kesihatan Malaysia). Ibu bapa yang mengesyaki perkembangan anak-anak mereka adalah tidak sejajar dengan umur mereka, boleh merujuk pada doktor dan pakar kanak-kanak supaya dapat mengesan masalah autisme seawal-awal yang mungkin.



Justeru itu, pusat kanak-kanak autistik di Malaysia didapati akan memastikan dulu kanak-kanak yang akan didaftarkan dibawahnya mempunyai masalah autisme. Sehubungan dengan itu, syarat utama pendaftaran di Pusat NASOM Cawangan Klang adalah melalui surat pengesahan awal daripada doktor yang memastikan kanak-kanak tersebut mempunyai masalah autisme. Selepas didaftarkan di pusat ini, kanak-kanak tersebut akan diuji oleh guru-guru di sini dengan menggunakan instrumen penyaringan tahap autisme. Instrumen ini akan diberikan oleh Ibu Pejabat Pusat NASOM. Mengikut guru-guru disini, instrumen tersebut dianggap sah dan mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi oleh pusat ini kerana telah disemak dan disahkan oleh pakar-pakar dalam bidang ini di peringkat Ibu Pejabat Pusat NASOM lagi. Penyaringan kanak-kanak autistik akan dibuat berdasarkan kaedah pemerhatian sebanyak lima kali sebelum keputusan dibuat (Kod: Tb/ R8/06).





1.2.2 Defisit Tumpuan

Masalah defisit tumpuan merujuk kepada masalah kurang tumpuan atau kurang perhatian. Mereka yang mempunyai masalah defisit tumpuan biasanya mempunyai masalah dalam mengekalkan atau mempertahankan tumpuan atau perhatian dalam sesuatu perkara. Berikut adalah beberapa ciri-ciri defisit tumpuan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia melalui portal rasmi MyHealth dan Manisah Mohd Ali dan Norrizza Sahal (2016).

- a. Tidak dapat memberi perhatian kepada orang yang bercakap dengannya
- b. Tidak dapat memberikan tumpuan yang penuh ketika arahan diberikan kepadanya.
- c. Tidak berupaya untuk mematuhi arahan yang diberikan kepadanya
- d. Akan berlakunya masalah komunikasi dan interaksi
- e. Sentiasa mengelakkan arahan yang panjang
- f. Mudah hilang perhatian
- g. Tidak boleh bertentang mata
- h. Tidak boleh berbahasa lisan

Kanak-kanak ini berisiko dalam aspek pemahaman dan penyimpanan maklumat ketika berkomunikasi dengan orang lain berikutan keupayaan mereka dalam memberi tumpuan adalah lemah (Manisah Mohd Ali & Norrizza Sabal, 2016). Masalah kurang tumpuan ini menyebabkan mereka tidak dapat mendengar dan mengingat perkara yang diperkatakan oleh orang lain. Maka dengan ini, mereka akan menghadapi masalah-masalah seperti tidak boleh memberi perhatian semasa orang lain bercakap dan tidak boleh berbalas perbualan. Dengan itu, adalah sukar bagi mereka bergaul dengan orang lain (Mohd Zuri Ghani & Azman Chi Ahmad, 2015). Ini





menyebabkan corak interaksinya tertumpu pada interaksi antara guru dengan murid sahaja.

Hasil temu bual bersama guru dalam kajian rintis juga didapati kanak-kanak ini sentiasa berkhayal dan mahu mengikut kehendak mereka. Kalau mereka ingin hendak menyanyi, mereka akan menyanyi walaupun ia adalah waktu pembelajaran. Kalau mereka ingin berjalan atau berlari, mereka tetap akan berjalan atau berlari tanpa memberikan tumpuan pada perkara yang sedang berlaku di persekitaran mereka. Adalah agak sukar bagi guru-guru untuk mengekalkan tumpuan mereka pada sesuatu perkara. Tempoh masa tumpuan mereka terhadap sesuatu perkara adalah sangat tipis sehingga ada sesetengah daripada mereka yang langsung tidak dapat menumpukan perhatian pada sesuatu perkara.



Walaupun masalah defisit tumpuan ini tidak mengganggu orang lain, tetapi kehidupan seharian kanak-kanak ini akan terganggu kerana ia akan memberi impak yang negatif terhadap corak kehidupan kanak-kanak ini. Maka pengkaji mendapati masalah ini patut dipulihkan bagi memperbaiki keadaan.

1.2.3 Aktiviti Seni Visual Sebagai Intervensi Awal untuk Autisme

Masalah defisit tumpuan ini tidak boleh dipandang ringan kerana ia akan memberikan impak yang besar pada masa depan kanak-kanak ini. Maka tindakan segera perlu diambil untuk memulihkan masalah ini. Kanak-kanak autistik pada amnya memerlukan perhatian, sokongan moral, kasih sayang, bantuan, dan tunjuk ajar daripada orang-orang di sekelilingnya dalam pelbagai aspek (Andriya Priyatna, 2010). Intervensi awal menjadi perkara yang sangat penting dalam kehidupan kanak-kanak autistik. Ini adalah kerana mengikut pandangan pengkaji-pengkaji dalam bidang ini, tingkah laku





negatif pada kanak-kanak autistik dipercayai dapat dibentuk dengan adanya usaha intervensi awal oleh ibu bapa, guru dan masyarakat yang prihatin terhadap kanak-kanak ini. Disamping itu, intervensi awal juga dikatakan sebagai pedagogi yang paling berfaedah bagi kanak-kanak autistik (Razhiah, 2008).

Tambahan pula, terdapat pengkaji-pengkaji dalam bidang ini yang telah berjaya membuktikan bahawa intervensi awal dapat membantu dalam memulihkan masalah-masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak autistik. Ini adalah kerana, semakin cepat dilakukan tindakan, maka semakin cepat dapat dipulihkan (Estes, Munson, Rogers, Greenson, Winter & Dawson, 2016; Endang Wahyuni, 2015; Sri Muji, 2014). Disamping itu, memandangkan kebanyakan daripada kanak-kanak di lokasi kajian adalah terdiri daripada kanak-kanak yang berumur kurang daripada tujuh tahun, maka pengkaji mendapati intervensi awal adalah sesuai bagi kanak-kanak ini.



Intervensi awal seni visual pula dipercayai dapat membantu menangani masalah pada kanak-kanak autistik. Seni dapat dijadikan sebagai landasan komunikasi kepada kanak-kanak autistik (Corbett, 2016; Nai & Plavnic, 2015). Kadar tekanan perasaan (stress) dapat dikurangkan melalui aktiviti seni visual. Pengurangan dalam kadar tekanan perasaan (stress) dapat membantu dalam meningkatkan tahap tumpuan dalam kalangan kanak-kanak ini (American Art Therapy Association, 2017). Maka adalah penting bagi mengkaji kemampuan intervensi awal menggunakan aktiviti seni visual dalam memulihkan masalah defisit tumpuan dalam kalangan kanak-kanak ini.





1.3 Penyataan Masalah

Masalah defisit tumpuan adalah salah satu ciri yang penting dalam kalangan kanak-kanak autistik. Ciri-ciri defisit tumpuan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia seperti mudah hilang perhatian; tidak memberi perhatian pada percakapan orang dan tidak berupaya untuk mematuhi arahan yang diberikan dapat memberikan impak yang negatif kepada kemahiran komunikasi dan interaksi mereka. Perkara ini telah dibuktikan oleh Manisah Mohd Ali dan Norrizza Sabal (2016) dalam kajiannya. Maka dengan ini, mereka memerlukan suatu jalan penyelesaian bagi menyelesaikan masalah ini.

Di mana, anak-kanak autistik lebih suka berada di dunia mereka sendiri berbanding memberi tumpuan pada perkara yang sedang berlaku di persekitaran mereka. Mereka lebih berminat hidup dalam dunia fantasi mereka sendiri berbanding menyedari persekitaran mereka. Sifat ini menyebabkan mereka mengalami defisit tumpuan dan sering gagal memberi perhatian pada percakapan orang lain. Ini memberi kesan yang negatif terhadap kemahiran komunikasi dan interaksi mereka (Norfishah Mat Rabi 2016; Sri Muji Rahayu, 2014).

Defisit tumpuan dalam kalangan kanak-kanak autistik patut dipulihkan sejak awal lagi supaya kewujudan masalah-masalah sampingan seperti masalah komunikasi dan interaksi dapat diatasi dari awal lagi. Lebih awal diambil tindakan, lebih baik pemulangnya kerana intervensi awal bagi kanak-kanak autistik dapat membantu dalam mengatasi jurang perbezaan dalam perkembangan diri mereka (Sri Muji Rahayu, 2014).





Maka, adalah lebih baik jika intervensi awal dimulakan sejak kecil lagi supaya dapat menangani masalah komunikasi dan interaksi (Estes, Munson, Rogers, Greenson, Winter & Dawson (2016); Ripley (2015), Salomone, Beranova, Brilhault, Lauritsen, Budisteanu, Buitelaar, et al., (2015), Sri Muji Rahayu (2014).

Di samping itu, aktiviti seni visual dipercayai dapat membantu dalam memulihkan masalah pada kanak-kanak autistik. Komunikasi secara bukan lisan menerusi aktiviti seni visual telah dibuktikan oleh Round A., Baker W.J., Rayner.C. (2017). Menurutnya, perasaan dan emosi responden telah dipamerkan melalui hasil lukisan mereka. Seterusnya, Quadri dan Oluwasegun Olawale (2014) pula mendapati aktiviti kolaj dapat meningkatkan tahap tumpuan mereka.

Tambahan pula, intervensi awal seni visual dapat mengurangkan tekanan perasaan (stress) dalam kalangan kanak-kanak autistik (Norfishah Mat Rabi dan Hasrul Hosshan, 2016). Secara tidak langsung, pengurangan tahap tekanan perasaan dapat membantu dalam pemulihan tahap tumpuan mereka kerana salah satu punca masalah defisit tumpuan adalah kadar tekanan perasaan yang tinggi. Tekanan perasaan pada diri mereka akan menyebabkan mereka sentiasa risau lalu tidak memberikan tumpuan pada perkara yang berlaku di persekitaran mereka. Apabila kadar tekanan perasaan ini dapat dikawal melalui intervensi seni visual, maka secara tidak langsung tahap tumpuan mereka akan meningkat (Seraj Haque & Mainul Haque, 2015). Dengan mengambil kira perkara-perkara ini, intervensi awal seni visual adalah sesuai bagi memulihkan masalah pada kanak-kanak autistik.

Walaupun intervensi awal dapat membantu dalam memulihkan masalah autisme, masih lagi ramai yang tidak mengetahui tentang kepentingannya secara mendalam. Ini dibuktikan oleh kajian yang dilakukan oleh Salomone, Beranova,





Brilhault, Lauritsen, Budisteanu, Buitelaar at al. (2015). Kajian ini menyatakan bahawa sebanyak 20 peratus daripada kanak-kanak autistik di Eropah masih tidak pernah mendapat intervensi awal. Pada masa yang sama, intervensi awal yang biasa dijalankan pula hanyalah tertumpu pada intervensi pertuturan dan bahasa serta intervensi tingkah laku sahaja (Liew & Manisah Mohd. Ali, 2008).

Kajian-kajian ini membuktikan bahawa masih ada ramai yang tidak mengetahui tentang pentingnya intervensi awal kepada kanak-kanak ini. Mereka yang mengenali kepentingan intervensi awal pula lebih berfokus pada intervensi awal pertuturan dan tingkah laku sahaja. Intervensi-intervensi awal yang lain seperti intervensi awal menggunakan aktiviti seni visual jarang diberi perhatian oleh orang ramai. Ini dibuktikan oleh Schweizer, Erik, dan Spreen (2014). Di mana, beliau dalam kajiannya telah menyatakan bahawa kajian-kajian tentang keberkesanan intervensi awal menggunakan aktiviti seni masih tidak mencukupi.

Dengan ini, adalah penting bagi mengkaji dengan lebih teliti tentang pemulihan masalah defisit tumpuan dalam kalangan kanak-kanak autistik melalui intervensi awal seni visual.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk memulihkan defisit tumpuan dalam kalangan kanak-kanak autistik di Pusat NASOM Klang dengan menggunakan aktiviti seni visual.





1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- 1.5.1 Mengenal pasti masalah defisit tumpuan dalam kalangan kanak-kanak autistik.
- 1.5.2 Mengenal pasti aktiviti seni visual yang boleh dilakukan oleh kanak-kanak autistik berdasarkan tugas yang disediakan.
- 1.5.3 Mengenal pasti perubahan defisit tumpuan kanak-kanak autistik dalam konteks komunikasi dan interaksi melalui tugas aktiviti seni visual.


1.6 Soalan Kajian

Persoalan bagi kajian ini adalah:

- 1.6.1 Apakah masalah defisit tumpuan yang dialami oleh kanak-kanak autistik?
- 1.6.2 Apakah aktiviti seni visual yang boleh dilakukan oleh kanak-kanak autistik yang bermasalah defisit tumpuan berdasarkan tugas yang disediakan?
- 1.6.3 Apakah perubahan pada masalah defisit tumpuan dalam komunikasi kanak-kanak autistik melalui tugas aktiviti seni visual?
- 1.6.4 Apakah perubahan pada masalah defisit tumpuan dalam interaksi kanak-kanak autistik melalui tugas aktiviti seni visual?



1.7 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini dijadualkan berdasarkan kerangka kosepsual kajian seperti dalam Rajah 1.1. Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif dengan kajian kes deskripsif. Pendekatan ini dipilih kerana pengkaji dapat merapatkan diri serta berinteraksi dengan responden bagi mendapatkan data yang lebih mendalam dan terperinci.

Berdasarkan kerangka konseptual tersebut, defisit tumpuan merujuk kepada masalah kurang tumpuan atau kurang perhatian. Sebanyak enam orang kanak-kanak dalam lingkungan umur empat hingga enam tahun yang disahkan mempunyai



masalah autisme telah dipilih sebagai responden (dua orang bagi kajian rintis dan empat orang bagi kajian yang sebenar).

Pengkaji telah mengenali masalah defisit tumpuan yang dihadapi oleh responden. Ciri-ciri defisit tumpuan yang dilalui oleh responden-responden telah dianalisis melalui kaedah temubual dan analisis dokumen. Seramai empat orang guru di Pusat NASOM Klang telah ditemu bual dan dokumen-dokumen seperti fail peribadi responden, buku-buku latihan responden dan borang analisa rutin kelas (*follow classroom routines*) telah dianalisis bagi mencapai tujuan ini.

Setelah mengetahui tentang masalah defisit tumpuan yang dialami oleh mereka, satu proses telah dijalankan bagi memulihkan masalah tersebut. Proses yang tersebut adalah melalui intervensi awal menggunakan aktiviti seni visual. Terdapat tiga jenis Intervensi awal menggunakan aktiviti seni visual yang dijalankan dalam kajian ini. Iaitu, intervensi kolaj, intervensi renjisan, dan intervensi capan. Sebanyak dua jenis aktiviti telah dijadualkan bagi setiap intervensi tersebut. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah membuat aktiviti kolaj dengan menggunakan pelbagai jenis butang dan membuat aktiviti kolaj dengan menggunakan pelbagai jenis bijirin bagi aktiviti kolaj. Seterusnya aktiviti-aktiviti yang dijadualkan bagi renjisan pula adalah membuat aktiviti renjisan dengan menggunakan daun dan membuat aktiviti renjisan dengan menggunakan kad pelbagai bentuk. Aktiviti-aktiviti bagi capan pula adalah capan dengan jari dan tapak tangan dan capan dengan bahan semula jadi.

Teori Pembelajaran Permodelan Albert Bandura dan Teori Operant Skinner telah diaplikasikan dalam kajian ini ketika aktiviti-aktiviti seni visual tersebut dilaksanakan. Teori-teori tersebut dipilih berdasarkan kajian rintis yang telah dijalankan dan hasil temu bual bersama guru-guru. Dimana, Teori Pembelajaran





Permodelan Albert Bandura dipilih kerana responden didapati mampu meniru perbuatan guru (model) mereka dalam semua aktiviti yang telah dijalankan. Guru telah menunjukkan langkah demi langkah. Responden pula telah memerhatikan langkah-langkah yang dibuat oleh gurunya lalu meniru perbuatan beliau ketika aktiviti seni visual dijalankan. Responden juga didapati telah cuba untuk meniru perbuatan kawannya apabila didapati kawannya menerima pujian daripada guru disebabkan oleh perbuatannya. Ini adalah dengan harapan bahawa dia juga dapat menerima pujian daripada guru jika dapat meniru perbuatan kawannya.

Disebabkan kebanyakan aktiviti yang telah dilaksanakan dalam kajian adalah aktiviti yang baru dan tidak pernah dilakukan oleh responden sebelum ini baik di kelas mahupun di rumah, maka mereka tidak ada pengalaman lepas dalam melakukan aktiviti-aktiviti seperti ini. Dengan ini, mereka didapati tidak mampu melakukan aktiviti tersebut dengan pengetahuan yang sedia ada. Selain itu, mereka juga didapati agak sukar untuk memahami jika arahan atau keterangan diberikan secara teori. Sebaliknya, mereka didapati lebih senang meniru perbuatan guru mereka ketika melakukan aktiviti.

Maka, ketika aktiviti seni visual dijalankan, guru telah berperanan sebagai model kepada responden lalu menunjukkan setiap langkah yang patut dilakukan oleh responden dalam menjalankan aktiviti tersebut. Responden telah mengikut setiap langkah yang ditunjukkan oleh guru. Misalnya apabila aktiviti kolaj kertas warna dijalankan, guru telah mengoyakkan kertas warna lalu melekatkannya diatas lukisan yang disediakan. Langkah-langkah ini telah diikuti oleh responden.

Bandura percaya bahawa model mempunyai pengaruh yang paling efektif jika mereka dilihat sebagai orang yang mempunyai kehormatan, berkemampuan,





berstatus tinggi (kedudukan), dan juga mempunyai kekuatan. Memandangkan guru merupakan orang yang berpengaruh dan dihormati oleh kanak-kanak autistik, maka guru mereka telah menjadi model yang paling berpengaruh terhadap anak muridnya ketika menjalankan aktiviti seni visual.

Selain itu, responden juga telah mengikut perbuatan rakannya yang telah menerima pujian ketika aktiviti seni visual dijalankan. Dimana apabila rakannya didapati melakukan aktiviti dengan baik dan menerima pujian daripada guru, maka mereka turut meniru perbuatan rakan mereka supaya mereka juga dapat menerima pujian daripada guru. Keadaan ini wujud dalam kajian yang dijalankan. Misalnya ketika aktiviti capan jari diadakan, guru telah memuji Responden R3 kerana dia dapat melakukan aktiviti tersebut dengan bersih tanpa bermain dengan warna air yang dibekalkan. Apabila R3 dipuji, R5 pula didapati ingin meniru perbuatan R3. Dia juga ingin mendapat kepujian. Dengan ini, didapati selain meniru perbuatan model (guru), mereka turut meniru perbuatan kawan mereka supaya dapat menerima kepujian daripada guru. Dengan ini Teori Permodelan Albert Bandura adalah sesuai bagi kajian ini.

Manakala Teori Operant Skinner pula dipilih kerana responden didapati lebih aktif apabila diberi ganjaran (reinforcement) yang positif seperti kata-kata pujian serta pulangan yang dijanjikan oleh gurunya selepas menghabiskan aktiviti. Kata-kata pujian seperti 'R3 kan pandai' dan 'R5 boleh buat' ketika aktiviti seni visual dijalankan telah memberi impak yang positif kepada responden. Walaupun pulangan yang dijanjikan adalah kecil misalnya dibenarkan untuk bermain lego, tetapi ia telah membantu dalam merangsangkan responden untuk melakukan aktiviti dengan lebih giat.





Misalnya, R4 sentiasa ingin berlari kesana sini ketika intervensi awal dijalankan. Tetapi apabila gurunya menjanjikan bahawa akan membenarkannya bermain lego jika aktiviti tersebut telah selesai, maka dia mula membuat aktiviti hari itu dengan penuh tumpuan. R5 pula sentiasa menginginkan pujian daripada guru. Maka guru sentiasa memuji dan memotivasikan R5 supaya dia dapat menumpu pada aktiviti tersebut. Dapat disimpulkan bahawa pemberian ganjaran keatas tingkah laku yang baik dapat membantu dalam meningkatkan tahap tumpuan dalam kalangan kanak-kanak autistik ketika melakukan intervensi awal seni visual. Maka Teori Operant Skinner didapati sesuai bagi kajian ini.

Dapatan kajian ini adalah mengenal pasti masalah defisit tumpuan yang dialami oleh kanak-kanak autistik dan mengenal pasti aktiviti seni visual yang dapat membantu dalam memulihkan tingkah laku kanak-kanak autistik dalam konteks komunikasi dan interaksi melalui tugas yang diberikan. Dimana, pada akhir kajian ini, aktiviti yang paling sesuai bagi tujuan pemulihan defisit tumpuan telah dikenal pasti daripada kesemua aktiviti yang dilaksanakan. Senarai semak tahap tumpuan sampel kajian seperti dalam lampiran D telah digunakan bagi tujuan ini. Senarai semak ini telah membantu untuk mengenal pasti aktiviti yang mendapat tempoh masa tumpuan yang tinggi oleh responden.

Seterusnya, tahap perubahan masalah defisit tumpuan dalam kalangan responden dari segi komunikasi dan interaksi ketika menjalankan tugas yang diberikan telah dikenal pasti melalui senarai semak ciri-ciri masalah defisit tumpuan dalam konteks komunikasi dan interaksi bagi kanak-kanak autistik (Lampiran B) dan senarai semak perubahan masalah defisit tumpuan dalam tugas aktiviti seni visual kanak-kanak autistik (Lampiran C).





Perubahan dalam ciri-ciri defisit tumpuan yang telah diperhatikan dari segi komunikasi ketika melakukan aktiviti seni visual adalah seperti boleh bertentang mata; boleh bergaul dengan orang lain; boleh meniru perbuatan orang lain; boleh menyedari kehadiran orang lain di sisi; boleh berkongsi; boleh berbahasa lisan; tiada bahasa berulang-ulang; boleh memberi perhatian semasa orang lain bercakap; boleh berbalas perbualan dan boleh memahami isyarat.

Manakala Perubahan dalam interaksi yang telah diperhatikan pula adalah interaksi antara guru dengan murid, murid dengan guru dan murid dengan murid.

1.8 Kepentingan Kajian



Kajian ini secara umumnya penting dalam usaha untuk memulihkan defisit tumpuan dalam kalangan kanak-kanak autistik. Maka perkara utama dalam kajian ini adalah untuk memaklumkan bahawa guru-guru dapat meningkatkan tahap tumpuan dalam kalangan kanak-kanak autistik melalui intervensi awal menggunakan aktiviti seni visual. Ini adalah seiring dengan kajian yang dijalankan oleh Schweizer, Knorth, dan Spreen (2014) serta Quadri dan Olawale (2012) dalam kajian masing-masing dimana masing-masing mendapati aktiviti seni visual dapat membantu dalam memulihkan masalah defisit tumpuan dikalangan kanak-kanak ini. Disini kajian tentang terapi seni telah diambil kira kerana aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam kajian-kajian tersebut adalah bersesuaian dengan aktiviti seni visual. Secara khususnya, kajian ini diharap dapat membantu beberapa pihak seperti berikut:





1.8.1 Membantu Kanak-kanak Autistik di Pusat NASOM Klang

Aktiviti yang akan dijalankan menerusi kajian ini telah membantu kanak-kanak autistik yang berada di Pusat NASOM Klang bagi tujuan pemulihan masalah defisit tumpuan dalam konteks komunikasi dan interaksi. Guru-guru di pusat NASOM Klang telah mengenali aktiviti-aktiviti yang sesuai bagi anak murid mereka melalui kajian ini.

1.8.2 Panduan Kepada Ibu Bapa

Para ibu bapa di harap dapat menggunakan hasil kajian ini sebagai idea untuk menjalankan aktiviti- aktiviti seni visual bagi kanak-kanak autistik untuk meningkatkan daya tumpuan mereka di rumah mereka. Apa yang penting dalam kajian ini adalah menimbulkan kesedaran ibu bapa tentang kemampuan aktiviti seni visual dalam meningkatkan daya tumpuan seseorang kanak-kanak autistik itu sendiri. Dengan adanya kesedaran tadi, mereka dapat mengadakan aktiviti-aktiviti seni visual untuk anak masing-masing di rumah kerana masa yang diluangkan oleh kanak-kanak autistik bersama ibu bapa adalah lebih panjang jika dibandingkan dengan masa yang diluangkan bersama guru.

1.8.3 Rujukan Kepada Guru

Kajian ini dapat digunakan sebagai panduan kepada guru-guru untuk mengenal pasti dan mengadakan intervensi awal melalui aktiviti seni visual yang sesuai bagi kanak-kanak autistik di sekolah dan pusat-pusat autisme. Guru-guru yang terlibat dengan





kanak-kanak autistik dapat menjalankan aktiviti-aktiviti seni visual seperti dalam kajian ini untuk meningkatkan daya tumpuan dalam kalangan mereka.

1.8.4 Organisasi dan Pihak-pihak yang Bertanggungjawab

Kajian ini juga amat signifikan kepada organisasi dan pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Pendidikan Khas, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pusat Pemulihan dan Komuniti (PDK) agar golongan kanak-kanak autistik ini tidak ditinggalkan dalam arus perubahan global. Perkara yang penting kepada negara adalah kanak-kanak ini tidak ditinggalkan sepenuhnya tanpa diambil perhatian. Berketepatan dengan Norfishah Mat Rabi (2016), Kanak-kanak ini patut diberi perhatian yang lebih supaya mereka juga dapat hidup kehidupan yang sama seperti kanak-kanak yang normal. Maka, kajian ini dapat memberi informasi kepada organisasi- organisasi seperti diatas untuk mengatur intervensi awal menggunakan aktiviti seni visual bagi kanak-kanak ini supaya dapat membantu dalam memulihkan masalah defisit tumpuan dikalangan kanak-kanak ini.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada beberapa perkara yang dihadkan oleh pengkaji. Antaranya adalah, responden yang dipilih adalah berumur antara empat hingga enam tahun sahaja. Responden terdiri daripada kedua-dua jantina iaitu, lelaki dan perempuan. Lokasi yang dipilih untuk menjalankan kajian ini adalah Pusat NASOM (*The Nasional Autism Society of Malaysia*) Cawangan Klang sahaja. Pusat NASOM ini telah dipilih





kerana kajian ini berfokus pada intervensi awal. Pada masa yang sama, pusat ini didapati memberi penekanan pada program-program intervensi awal bagi kanak-kanak autistik. Kajian ini hanya memberi fokus pada sikap defisit tumpuan yang ada pada kanak-kanak autistik. Tingkah laku-tingkah laku bermasalah yang lain tidak dikaji dalam kajian ini.

Intervensi awal menggunakan aktiviti seni visual yang akan digunakan dalam kajian ini adalah dibataskan kepada intervensi capan, intervensi kolaj dan intervensi catan (renjisan). Intervensi tiupan dan melukis telah dijalankan dalam kajian rintis untuk tujuan pemilihan jenis intervensi bagi kajian yang sebenarnya. Lain-lain intervensi seni visual tidak dijalankan dalam kajian ini. Selain itu, pengkaji ingin menggunakan Teori Pembelajaran Permodelan Albert Bandura dan Teori Operant Skinner dalam kajian ini. Teori-teori lain tidak diaplikasikan dalam kajian ini. Pemilihan teori adalah berdasarkan pada kajian rintis yang telah dilaksanakan.



1.10 Definisi Operasioanal

1.10.1 Kanak-kanak Autistik

Kanak-kanak autistik merupakan kanak-kanak yang mempunyai perkembangan yang tidak selaras dengan usia mereka. Kanak-kanak ini istimewa dari segi pemikirannya. Biasanya kanak-kanak ini sentiasa mengkhayal dan suka berada di dunianya sendiri. Kanak-kanak autistik dalam konteks kajian ini hanya merujuk pada kanak-kanak autistik yang berumur diantara empat hingga enam tahun yang telah disahkan mempunyai masalah autisme. Pengesahan ini adalah berdasarkan pada surat pengakuan oleh pegawai perubatan (disemak daripada fail peribadi mereka).





1.10.2 Defisit Tumpuan

Defisit tumpuan merujuk pada masalah kurang tumpuan atau masalah perhatian yang dialami oleh seseorang. Masalah ini akan menyebabkan individu yang mengalaminya tidak dapat mengekalkan tumpuan pada sesuatu perkara bagi satu tempoh masa yang lama. Defisit tumpuan dalam kajian ini merangkumi masalah kurang tumpuan dari segi komunikasi dan interaksi yang dihadapi oleh kanak-kanak autistik.

a. Komunikasi

Komunikasi adalah proses penghantaran dan penyampaian pesanan dari pemberi pesanan kepada penerima pesanan dengan menggunakan media tertentu sehingga berlakunya tindak balas. Masalah kurang tumpuan dari segi komunikasi dalam kajian ini merujuk pada tidak boleh bertentang mata dengan orang yang bercakap dengannya, tidak boleh bergaul dengan orang lain, tidak boleh memberi perhatian semasa orang lain bercakap, tidak boleh berbalas perbualan, tidak boleh menyedari kehadiran orang lain di sisinya, tidak boleh berkongsi barang kepunyaannya dengan orang lain, bahasa berulang-ulang, tidak boleh berbahasa lisan, tidak boleh meniru perbuatan orang lain dan tidak boleh memahami isyarat yang diberikan oleh orang lain.

b. Interaksi

Manakala interaksi pula bermakna saling mempengaruhi serta saling bertindak antara satu sama lain. Interaksi dalam kajian ini merujuk pada interaksi yang berlaku di antara guru dengan murid; murid dengan guru serta interaksi antara murid dengan murid. Interaksi antara guru dengan murid dianggap wujud apabila memberi perhatian





semasa gurunya memberi arahan, mengikuti arahan yang diberikan oleh gurunya dan memahami isyarat yang diberikan oleh gurunya.

Interaksi antara murid dengan guru wujud apabila murid dapat menyedari kehadiran gurunya disisinya, mengangguk kepalanya apabila disoal, meniru perbuatan gurunya dan berbalas perbuatan gurunya. Manakala interaksi antara murid dengan murid pula wujud apabila mereka dapat bergaul dengan rakannya, dapat meniru perbuatan rakannya, dapat berkongsi bahan dengan rakannya, dapat berbalas perbuatan rakannya dan dapat memahami isyarat yang diberikan oleh rakannya.

1.10.3 Intervensi Awal

Intervensi awal adalah merujuk pada aktiviti-aktiviti yang dijalankan selama satu tempoh masa yang tertentu bagi kanak-kanak yang berumur kurang daripada tujuh tahun supaya dapat mengawal dan menangani sesuatu masalah. Intervensi awal patut diberikan seawal-awal yang mungkin untuk mendapatkan impak yang baik. Terdapat banyak jenis intervensi seperti intervensi seni visual, intervensi muzik, intervensi tarian dan lain-lain lagi. Masing-masing adalah untuk membantu dalam memulihkan permasalahan yang dihadapi oleh kanak-kanak dari awal lagi. Dalam kajian ini, intervensi awal merujuk pada aktiviti-aktiviti seni visual yang telah dijalankan kepada kanak-kanak autistik di Pusat NASOM Klang yang berumur antara empat hingga enam tahun bagi memulihkan masalah defisit tumpuan dalam kalangan mereka.





1.10.4 Seni Visual

Seni visual adalah karya-karya seni yang dapat dilihat dengan mata kasar. Bentuk seni ini sangat biasa dan pelbagai. Walau bagaimanapun, seni visual dalam kajian ini merujuk kepada aktiviti seni visual yang diadakan bagi kanak-kanak yang bermasalah autisme. Aktiviti seni visual yang telah difokuskan dalam kajian ini adalah aktiviti capan, aktiviti kolaj, dan aktiviti renjisan sahaja. Aktiviti capan merujuk pada pengecapan bahan semula jadi atau jari dan tapak tangan di atas kertas lukisan dengan menggunakan warna air. Kolaj merujuk pada aktiviti melekatkan butang atau bijirin atas lukisan yang disediakan. Manakala renjisan pula merujuk pada aktiviti merenjisakan warna air di atas kertas lukisan.



1.11 Rumusan

Dalam bab ini, perkara-perkara yang menjadi asas dalam kajian ini telah dihuraikan. Latar belakang dan pernyataan masalah telah menerangkan tentang keperluan kajian ini dalam bidang ini. Tujuan kajian, objektif dan persoalan kajian pula telah menerangkan tentang hala tuju kajian ini. Manakala kerangka konseptual kajian pula menerangkan tentang langkah-langkah yang akan dilalui dalam kajian ini. Kerangka konseptual kajian ini merangkumi input (masalah defisit tumpuan kanak-kanak autistik di Pusat NASOM Klang), proses (intervensi awal menggunakan aktiviti seni visual) dan hasil kajian yang diharapkan iaitu, jenis aktiviti seni visual yang sesuai bagi pemulihan masalah defisit tumpuan dan pemulihan defisit tumpuan kanak-kanak autistik di Pusat NASOM Klang dari segi komunikasi dan interaksi melalui tugasan yang diberikan.





Kajian ini dianggap penting kerana ia akan membantu dalam pemulihan masalah defisit tumpuan dalam kalangan kanak-kanak autistik di Pusat NASOM Klang. Pada masa yang sama, ia juga dapat dijadikan panduan pada pelbagai pihak seperti ibu bapa, guru-guru dan pihak lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan kanak-kanak autistik. Kajian ini terbatas kepada beberapa perkara yang dihadkan seperti pemilihan sampel kajian, lokasi kajian, masalah defisit tumpuan, aktiviti seni visual yang dipilih dan teori yang diaplikasikan dalam kajian. Akhirnya, bagi definisi operasional, penerangan bagi konsep-konsep yang penting dalam kajian ini seperti kanak-kanak autistik, defisit tumpuan, intervensi awal, seni visual komunikasi dan interaksi telah diberikan.

